

# POLITIK TERENGGANU

Perkembangan dan **Pergolakan**



9.5122  
MOH

**MOHD HASBIE MUDA**



# POLITIK TERENGGANU PERKEMBANGAN DAN PERGOLAKAN

**MOHD HASBIE MUDA**



**Megamind Leadership Consultancy (MLC) adalah sebuah badan perunding motivasi kepemimpinan dan sains politik yang komited memperjuangkan kepemimpinan berkualiti tinggi serta pencerahan politik dalam kalangan rakyat Malaysia.**

**PUSTAKA PERDANA**



**1011769**



© Mohd Hasbie Muda

Cetakan Pertama

Oktober 2017

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd Hasbie Muda, 1987

**POLITIK TERENGGANU PERKEMBANGAN DAN  
PERGOLAKAN / MOHD HASBIE MUDA**

**ISBN 978-967-14506-2-8**

- 1. Elections-Terengganu**
- 2. Terengganu-Politics and government**

**I. Judul.**

**959.5122**

**Pembaca Prof: Nik Abdul Razak Nik Md Ridzuan**

**Reka bentuk kulit & rekaletak:**

**Hafiz Shukur (Emel: hafiz7500@gmail.com)**

**Dicetak oleh:**

**Iman Kreatif Sdn Bhd**

**Penerbit**


**Megamind Leadership Consultancy (TR0115640-A)**

**No 95, Jalan 14/46, Seksyen 14,**

**46100 Petaling Jaya, Selangor**

**Tel: 013-2965619**





## KANDUNGAN

---

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vii</b>
<b>SEPINGGAN NASI DAGANG</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvii</b>
<b>Bab 1 Pilihan Raya Terengganu Sepintas Lalu</b>	<b>1</b>
• Pilihan Raya Pra-Kemerdekaan	
• Tinjauan 13 PRU Lepas	
• Undi Popular	
• Analisis Kerusi Kubu Kuat	
• Penutup	
<b>Bab 2 Era Daud Samad (1959 - 1961)</b>	<b>17</b>
• Kemelut Pelantikan Menteri Besar	
• Usul Undi Tidak Percaya	
• Pembangunan Era Kerajaan PAS	
• Penutup	
<b>Bab 3 Era Ibrahim Fikri dan Transisi (1961 - 1974)</b>	<b>29</b>
• Ibrahim Terpalit Tuduhan Rasuah	
• Menteri Besar Tempoh Peralihan	
• Penutup	

## ***Politik Terengganu Perkembangan Dan Pergolakan***

<b>Bab 4 Era Wan Mokhtar Ahmad (1974 — 1999)</b>	<b>41</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Cabaran PSRM</li><li>• Pembangunan Era Wan Mokhtar</li><li>• PAS Tersingkir Daripada BN</li><li>• Fenomena Haji Hadi</li><li>• Cabaran Parti Semangat 46</li><li>• Krisis Dalaman UMNO Terengganu</li><li>• Penutup</li></ul>	
<b>Bab 5 Era Abdul Hadi Awang (1999 — 2004)</b>	<b>63</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Gelombang Anwar Ibrahim</li><li>• Membangun Menurut Islam</li><li>• Kritikan Terhadap Kerajaan PAS</li><li>• Penafian Wang Royalti Petroleum</li><li>• Penutup</li></ul>	
<b>Bab 6 Era Idris Jusoh (2004 — 2008)</b>	<b>79</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Islam Hadhari Terengganu Bestari</li><li>• Kritikan Terhadap Idris</li><li>• Penutup</li></ul>	
<b>Bab 7 Era Ahmad Said (2008-2014)</b>	<b>87</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Nama Idris Ditolak Istana</li><li>• Ahmad Said Terus Diserang</li><li>• Merakyatkan Pembangunan dan Pentadbiran</li><li>• Kemenangan Tipis PRU13</li><li>• Robin Hood Kemaman</li><li>• Penutup</li></ul>	
<b>Bab 8 Era Ahmad Razif Abdul Rahman (2014 — 2017)</b>	<b>107</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Transformasi Terengganu Baru (TTB)</li><li>• Usul Undi Tidak Percaya</li></ul>	

*Mohd Hasbie Muda*

- Pingat Kebesaran Ditarik
- Projek Gajah Putih
- Penutup

**Bab 9 Ke Mana Politik Terengganu? 117**


- Politik Pembangunan vs Politik Agama
- Perpecahan Pakatan Rakyat
- Kemunculan AMANAH
- Penubuhan PPBM
- Cabaran Pakatan Harapan
- Politik Baru
- Penutup

**LAMPIRAN 129**

- Peta Kawasan Pilihan Raya Terengganu 2013
- Keputusan Penuh Pilihan Raya Umum Negeri Terengganu 1959-2013 (Kerusi Parlimen)
- Rumusan Keputusan Pilihan Raya Umum Negeri Terengganu 1959 - 2013 (Kerusi DUN)

**RUJUKAN 160**





## PENGHARGAAN

---

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang sentiasa melimpahkan rahmat buat sekalian alam. Selawat dan salam buat Rasul junjungan tercinta, Nabi Muhammad SAW.

Istimewa buat kedua-dua puteriku tersayang, Rania dan Hanan. Sesungguhnya buku ini kudedikasikan untuk anakanda berdua. Semoga Terengganu di zaman kalian mendewasa akan lebih maju, gemilang dan diberkati.

Terima kasih juga kepada isteri tercinta, semua ahli keluarga, teman-teman dan seluruh rakan seperjuangan yang memberikan sumbangan dan sokongan dalam menyiapkan buku ini. Semoga setiap usaha kita akan dinilai sebagai amal soleh dan kebajikan di sisi Allah.

Allah Peliharakan Terengganu.


Allah Selamatkan Malaysia.

**Mohd Hasbie bin Muda**

Paka, Terengganu

31 Ogos 2017





## SEPINGGAN NASI DAGANG

Dalam pertarungan antara mempertahankan hegemoni Barisan Nasional (BN) dengan memenangkan gabungan politik parti-parti pembangkang di Malaysia, Negeri Terengganu kadangkala terpinggir dari peta siasah arus perdana. Mungkin kerana negeri Pantai Timur ini sekadar menyediakan lapan kerusi parlimen untuk direbut menjadikan ia bukan tumpuan utama penganalisis politik di negara ini. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan pergolakan politik dan isu-isu kontroversi yang berlaku di negeri ini sekali-sekala mencuri perhatian masyarakat.

Politik Terengganu unik. Terengganu menjadi negeri pertama yang diterajui oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) selepas Merdeka tetapi ditumbangkan melalui undi tidak percaya selepas dua tahun empat bulan sepuluh hari berjalan. Selepas 38 tahun negeri ini diperintah oleh BN, PAS kembali diberikan peluang oleh rakyat untuk membuktikan keupayaan mereka pada tahun 1999 sebelum dijatuhkan semula pada tahun 2004. Ternyata pertukaran ini membuktikan bahawa rakyat Terengganu berani untuk membuat perubahan. Sesungguhnya sifat nelang<sup>1</sup> rakyat Terengganu tidak mengenal siapa. Mereka nekad.

Politik Terengganu sebenarnya tidak pernah sunyi daripada kejutan,

1 Nelang atau hanelang adalah sifat berani dan pantang dicabar yang ada dalam diri rakyat Terengganu.

## ***Politik Terengganu Perkembangan Dan Pergolakan***

konflik dan kontroversi. Seawal tahun 1959, politik Terengganu mencuri perhatian rakyat negara ini apabila wujud pertikaian dalam pelantikan Menteri Besar Mohd Daud Abdul Samad. Daud tidak kekal lama di kerusinya apabila dijatuhkan melalui undi tidak percaya dalam DUN Terengganu pada tahun 1961. Pengganti Daud, Ibrahim Fikri Mohamad pula tidak terlepas daripada digantikan oleh pucuk pimpinan partinya walaupun telah berjaya memenangkan BN dalam dua kali pilihan raya. Mahmood Sulaiman dan Nik Hassan Abdul Rahman pula terpaksa ditukar kerana bermasalah dari segi prestasi dan hubungan dengan pihak Istana. Wan Mokhtar Ahmad yang berkuasa selama 25 tahun pula akhirnya dijatuhkan dalam kekalahan yang tragis. Tokoh ideolog PAS yang pernah diramalkan oleh majalah Asiaweek sebagai bakal Perdana Menteri Malaysia, Abdul Hadi Awang pula hanya sempat memimpin negeri selama sepenggal sahaja sebelum digantikan oleh Idris Jusoh yang kemudiannya juga turut digantikan secara tiba-tiba walaupun partinya menang dalam pilihan raya dan beliau sendiri mendapat sokongan majoriti ADUN partinya.

Pengganti Idris iaitu Ahmad Said pula diganti oleh Exco kanannya sendiri apabila pucuk pimpinan parti tidak lagi berkehendakkan beliau. Ahmad Razif Abdul Rahman juga hampir dijatuhkan melalui usul undi tidak percaya. Mujurlah ia berjaya digagalkan oleh Speaker DUN Zubir Embong. Semua pergolakan ini menarik untuk diperhalusi agar iktibar dan teladan berguna dapat diambil sebagai pedoman pada masa akan datang.

Hakikatnya, siapa menyangka Sultan yang selesa di singgahsana boleh dilucutkan takhta? Siapa menyangka pemimpin yang berkuasa lebih 25 tahun boleh ditumbangkan dalam kekalahan yang cukup mengaibkan? Siapa menyangka kerajaan yang pernah menang dengan majoriti besar

- 2 Dalam sejarah Kesultanan Terengganu, Tengku Ali iaitu putera sulung Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Sultan Terengganu 1920 — 1942) yang ditabalkan sebagai Sultan Terengganu pada zaman pemerintahan Jepun telah diturunkan takhta pada tahun 1945 hasil pakatan Menteri Besar Dato' Jaya Perkasa dengan pihak British yang tidak berpuas hati dengan tingkah laku dan kelemahan Tengku Ali.

## Mohd Hasbie Muda

boleh tewas mengejut? Siapa menyangka Menteri Besar yang punyai sokongan padu barisan wakil rakyat boleh digantikan secara tiba-tiba? Sesungguhnya, semua itu berlaku dengan izin-Nya. Tuhan yang menguasai kuasa pemerintahan. Tuhan yang memberikan kuasa kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan menarik kuasa daripada sesiapa yang Dia kehendaki. Maha suci Allah SWT.

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكِ الْمُلْكِ نُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّن تَشَاءُ  
وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِإِذْنِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ



“Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

Menyiapkan naskhah ‘Politik Terengganu: Perkembangan dan Pergolakan’ ini sememangnya mengiyakan kalam Allah dalam surah Ali’Imran ayat 26 di atas. Menelusuri terowong masa politik Terengganu ternyata menimbulkan suatu perasaan kerdil dalam diri penulis betapa setiap kekuasaan yang disangka hebat, teguh dan agung hanya suatu pinjaman sementara yang tidak membawa apa-apa erti kepada kita melainkan jika ia digunakan untuk menjana amal soleh dan ketakwaan kepada Allah.

Seringkali terfikir, adakah persaingan politik yang wujud dalam negeri ini membawa lebih banyak kebaikan berbanding keburukan atau sebaliknya? Adakah persaingan dua parti utama Terengganu iaitu UMNO dan PAS merupakan model terbaik untuk negeri ini ataupun

## ***Politik Terengganu Perkembangan Dan Pergolakan***

kita memerlukan model politik yang baru? Adakah amalan politik pada masa ini benar-benar menepati nilai-nilai dan prinsip Islam atau sebaliknya?

Jika dinilai dari segi ekonomi, Terengganu masih terkebelakang jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain walaupun hasil Kerajaan Negeri Terengganu setanding dengan negeri-negeri maju seperti Johor malahan dua kali ganda hasil Pulau Pinang<sup>3</sup>. Lebih meresahkan apabila melihat kemerosotan sumber petroleum kesan kejatuhan harga minyak global dalam keadaan negeri masih kekurangan sumber yang lain. Ia menjadi cabaran kepada rakyat agar kepimpinan negeri yang terbaik serta menepati konsep *al-qawiy* dan *al-amin*<sup>4</sup> dapat dipilih bagi memastikan setiap sen hasil mahsul negeri dapat dibelanjakan bukan sahaja secara telus dan cermat tetapi mampu menjana kesan pengganda untuk manfaat rakyat terbanyak. Selain itu, kita juga memerlukan pemimpin negeri yang berani dan tegas mempertahankan kepentingan negeri agar tidak diusik oleh pihak lain.

Buku ini cuba meneroka perjalanan politik negeri Terengganu bermula pada era pentadbiran Mohd Daud Abdul Samad sehingga ke era Ahmad Razif Abdul Rahman. Sebanyak sembilan bab dihidangkan untuk santapan pembaca dengan penelitian khusus ditumpukan terhadap konflik dan pergolakan yang wujud pada setiap era pemerintahan Menteri Besar. Dalam bab pertama, penulis mengupas mengenai persaingan politik antara parti-parti yang pernah mengambil bahagian dalam pilihan raya di Terengganu sejak tahun 1959 sehingga 2013 secara sepintas lalu. Tumpuan sudah pasti diberikan kepada dua parti utama iaitu UMNO dan PAS yang pernah berpeluang menguasai Kerajaan Negeri. Penyertaan parti-parti lain seperti Parti Negara,

- 3 Pada tahun 2016, hasil Kerajaan Negeri Terengganu adalah sebanyak RM1.47 billion manakala hasil Negeri Johor adalah sebanyak RM1.36 billion. Pulau Pinang pula mencatatkan hasil sebanyak RM687 juta.
- 4 *Al-qawiy* bermaksud kuat manakala *al-amin* bermaksud beramanah. Kuat dalam konteks kepemimpinan adalah memiliki keupayaan untuk memimpin manakala beramanah dalam konteks kepemimpinan adalah berintegriti dan bersih daripada sebarang salah laku dan penyelewengan.

## *Mohd Hasbie Muda*

Parti Rakyat, Parti Semangat 46 dan Parti Keadilan Rakyat juga turut diberikan sorotan.

Dalam Bab 2 hingga Bab 8, penulis menyusun secara kronologi perkembangan politik termasuk siri-siri pilihan raya secara lebih terperinci khususnya berkisar tentang kalah menang sesebuah parti yang bertanding. Soal pentadbiran dan pembangunan negeri di bawah pimpinan Mohd Daud Abdul Samad, Ibrahim Fikri Mohamad, Mahmood Sulaiman, Nik Hassan Abdul Rahman, Wan Mokhtar Ahmad, Abdul Hadi Awang, Idris Jusoh, Ahmad Said dan Ahmad Razif Abdul Rahman juga diulas. Penulis memasukkan sumbangan dan pembaharuan ketara yang dijalankan oleh setiap tokoh tersebut serta kelemahan dan kesilapan yang mengundang kritikan.

Politik Terengganu tidak terlepas daripada pengaruh Istana. Institusi diraja tetap mempunyai peranan yang penting dan tidak boleh dianggap sekadar bersifat *ceremonial* atau simbolik sahaja dalam pelaksanaan sesuatu istiadat. Sultan sebagai 'ketua negeri' dan payung rakyat' seharusnya tidak diketepikan dalam apa jua keputusan penting sesebuah Kerajaan Negeri apatah lagi dalam soal pelantikan Menteri Besar.

Suatu yang menarik untuk disentuh dalam buku ini adalah sikap nelang tokoh pemimpin utama Terengganu dalam menyelesaikan sesuatu masalah atau pertikaian yang wujud. Misalnya watak Abdul Hadi Awang yang memimpin kelompok muda PAS pada awal 1980-an dalam menyanggah Yang Dipertua Agung<sup>5</sup> PAS Dato' Asri Muda kerana disifatkan tidak selari dengan aspirasi sebuah parti Islam. Begitu juga dengan Idris Jusoh pada awal 1990-an sewaktu menjadi Ketua Pemuda UMNO Negeri yang berkonfrontasi dengan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri sehingga menimbulkan keributan yang besar dalam UMNO Terengganu pada ketika itu.

5 PAS menggunakan istilah Yang Dipertua Agung sebelum ditukar kepada Yang Dipertua dan kemudiannya ditukar sekali lagi kepada Presiden.


## ***Politik Terengganu Perkembangan Dan Pergolakan***

Watak Ahmad Said juga menarik. Beliau bukan sahaja berani menghadapi penentangan 23 ADUN BN yang pro-Idris sewaktu krisis MB Terengganu pada tahun 2008 bahkan lebih awal daripada itu adalah sikap nelang Ahmad Said sewaktu memegang jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman. Ahmad Said berselisih pandangan dengan Pengarah Urusan PERWAJA, Tan Sri Eric Chia yang diketahui rapat dengan Perdana Menteri pada ketika itu. Sesungguhnya, watak-watak nelang dalam diri tokoh-tokoh pemimpin Terengganu ini menggambarkan bahawa anak Terengganu secara tradisinya bukan kelompok pengampu dan tukang kipas sebaliknya anak jantan yang berani menyanggah sesiapa sahaja termasuk ketuanya sendiri.

Di akhir penulisan buku ini iaitu dalam Bab 9, penulis menghuraikan persoalan mengenai halatuju politik Terengganu pada masa akan datang. Kemunculan Parti Amanah Negara (AMANAH) yang ditubuhkan kesan kegagalan PAS menguruskan krisis dalamannya turut disentuh. Kemunculan puak neokonservatif dalam PAS yang sentiasa tampil dengan idea dan langkah politik yang progresif ternyata menjadi cabaran yang tidak lagi mampu diuruskan oleh parti lama mereka. Lebih menarik, kemunculan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) hasil serpihan UMNO turut mencorakkan politik Malaysia sekaligus Terengganu. Selain menggariskan cabaran asas untuk Pakatan Harapan di Terengganu, penulis turut melakarkan gagasan politik baru yang sewajarnya diperjuangkan oleh semua pemain politik di negeri ini.

Pandangan penulis dalam buku ini boleh diterima atau ditolak. Kritikan dan penambahbaikan adalah dialu-alukan agar naskhah ini dapat diperbaiki dan diperkemaskan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan agar buku 'Politik Terengganu ini dapat dijadikan antara rujukan utama dalam membicarakan mengenai politik Terengganu. Semoga ia akan menjadi khazanah bernilai untuk generasi hari ini dan akan datang.

Selamat menikmati 'hidangan Nasi Dagang' ini dengan penuh berselera. Semoga bermanfaat.



## SENARAI SINGKATAN

---

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AMANAHAH	Parti Amanah Negara
Angkatan	Angkatan Perpaduan Ummah
BA	Barisan Alternatif
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
BN	Barisan Nasional
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DKKP	Dana Khas Kerajaan Persekutuan
DUN	Dewan Undangan Negeri
Exco	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
FS	Front Sosialis Rakyat Malaysia
GAGASAN	Gagasan Rakyat
HAK	Harakah Keadilan Rakyat
HAMIM	Parti Hizbul Muslimin Malaysia
HB	Harapan Baru
ISA	<i>Internal Security Act</i>
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung

## ***Politik Terengganu Perkembangan Dan Pergolakan***

JSR	Jawatankuasa Syura Rakyat
KDYMM	Kebawah Duli Yang Maha Mulia
KEADILAN	Parti Keadilan Rakyat / Parti Keadilan Nasional
KIMMA	Kongres India Muslim Malaysia
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KUSTEM	Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
KUSZA	Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin
MB	Menteri Besar
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
NGO	<i>Non Governmental Organisation</i>
NGI	<i>Non Governmental Individual</i>
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MPPR	Majlis Penasihat Pemangku Raja
MTB	Menang Tanpa Bertanding
<b>PAS</b>	Parti Islam Se-Malaysia
PETA	Pembela Tanah Air
PERWAJA	Perwaja Steel Sendirian Berhad
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PH	Pakatan Harapan
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PN	Parti Negara
PPBM	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
PPMBT	Persatuan Pemborong Bumiputera Melayu Terengganu
PR	Pakatan Rakyat
PRK	Pilihan Raya Kecil
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PRN	Pilihan Raya Negeri
PRU	Pilihan Raya Umum

*Mohd Hasbie Muda*

PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
RTB	Rancangan Tanah Berkelompok
S46	Parti Melayu Semangat 46
SMS	<i>Short Message Service</i>
SNAP	Sarawak National Party
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SUK	Setiausaha Kerajaan Negeri
SDP	<i>Socialist Democratic Party</i>
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-Kanak
TATI	<i>Terengganu Advanced Technical Institute</i>
TCS	<i>Terengganu Civil Services</i>
TMB	Timbalan Menteri Besar
TTB	Transformasi Terengganu Baru
TTT	Tahun Tawan Terengganu
UDM	Universiti Darul Iman
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri





## PILIHAN RAYA TERENGGANU SEPINTAS LALU

---

Sebagaimana negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, Terengganu Darul Iman juga tidak ketinggalan dalam gerakan kesedaran dan perjuangan menuntut kemerdekaan. Antara pertubuhan politik terawal yang ditubuhkan di Tanah Melayu adalah Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang ditubuhkan seawal tahun 1938 dan dipimpin oleh Ibrahim Yaacob. KMM yang berperanan membangkitkan semangat kebangsaan turut membuka cawangan di negeri ini. KMM cawangan Terengganu diketuai oleh Wan Daud Ahmad dan dibantu oleh Ibrahim Fikri Mohamad selaku setiausaha.

Selepas KMM dibubarkan pada tahun 1942 apabila Jepun menguasai Tanah Melayu, ramai pemimpin KMM terlibat dalam Pembela Tanah Air (PETA), juga di bawah pimpinan Ibrahim Yaacob. PETA Terengganu pula dipimpin oleh Ibrahim Fikri. Kemudiannya pada tahun 1945, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan di Ipoh, Perak oleh bekas penggerak KMM. Ibrahim Fikri dilantik sebagai Ketua PKMM Terengganu pada April 1946. Selain Ibrahim, antara penggerak PKMM di Terengganu adalah Mohd Daud Samad dan Wan Yahya Wan Mohamed.

Pengenalan Malayan Union oleh kerajaan British pada tahun 1946 telah mendapat bantahan yang meluas daripada masyarakat Melayu. Hasilnya pada 11 Mei 1946 dalam kongres yang berlangsung di Johor

# POLITIK TERENGGANU PERKEMBANGAN DAN PERGOLAKAN

Politik Terengganu unik. Terengganu menjadi negeri pertama yang diterajui oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) selepas Merdeka tetapi ditumbangkan melalui undi tidak percaya selepas dua tahun empat bulan sepuluh hari berjalan. Selepas 38 tahun negeri ini diperintah oleh BN, PAS kembali diberikan peluang oleh rakyat untuk membuktikan keupayaan mereka pada tahun 1999 sebelum dijatuhkan semula pada tahun 2004. Ternyata pertukaran ini membuktikan bahawa rakyat Terengganu berani untuk membuat perubahan. Sesungguhnya sifat nelang rakyat Terengganu tidak mengenal siapa. Mereka nekad.

Politik Terengganu sebenarnya tidak pernah sunyi daripada kejutan, konflik dan kontroversi. Seawal tahun 1959, politik Terengganu mencuri perhatian rakyat negara ini apabila wujud pertikaian dalam pelantikan Menteri Besar Mohd Daud Abdul Samad. Daud tidak kekal lama di kerusinya apabila dijatuhkan melalui undi tidak percaya dalam DUN Terengganu pada tahun 1961. Pengganti Daud, Ibrahim Fikri Mohamad pula tidak terlepas daripada digantikan oleh pucuk pimpinan partinya walaupun telah berjaya memenangkan BN dalam dua kali pilihan raya. Mahmood Sulaiman dan Nik Hassan Abdul Rahman pula terpaksa ditukar kerana bermasalah dari segi prestasi dan hubungan dengan pihak Istana. Wan Mokhtar Ahmad yang berkuasa selama 25 tahun pula akhirnya dijatuhkan dalam kekalahan yang tragis. Tokoh ideolog PAS yang pernah diramalkan oleh majalah Asiaweek sebagai bakal Perdana Menteri Malaysia, Abdul Hadi Awang pula hanya sempat memimpin negeri selama sepenggal sahaja sebelum digantikan oleh Idris Jusoh yang kemudiannya juga turut digantikan secara tiba-tiba walaupun partinya menang dalam pilihan raya dan beliau sendiri mendapat sokongan majoriti ADUN partinya.

Pengganti Idris iaitu Ahmad Said pula diganti oleh Exco kanannya sendiri apabila pucuk pimpinan parti tidak lagi berkehendakkan beliau. Ahmad Razif Abdul Rahman juga hampir dijatuhkan melalui usul undi tidak percaya. Mujurlah ia berjaya digagalkan oleh Speaker DUN Zubir Embong. Semua pergolakan ini menarik untuk diperhalusi agar iktibar dan teladan berguna dapat diambil sebagai pedoman pada masa akan datang.

